

No Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Dua bentuk perbuatan mempersendakan agama Islam. (Senaraikan)	[2 markah]
			- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.	2 isi x 1m =2m
		(ii)	Balasan terhadap golongan tersebut. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Diberikan minuman daripada air panas yang menggelegak. - Mendapat azab yang pedih di akhirat.	2 isi x 1m
		(iii)	KBAT Pada pandangan saya perbuatan tersebut berlaku kerana :	[2 markah]
			- Kurang sikap hormat terhadap orang lain yang berpuasa kerana tidak memahami konsep islam yang sebenar. - Kurang didikan agama dan moral sejak kecil kerana individu tersebut tidak diterapkan dengan nilai nilai murni.	Isi = 1m H = 1m
		(iv)	KBAT Cara membendung perbuatan tersebut daripada terus berleluasa. (Huraikan)	[4 markah]
			Cadangan isi: - Penguatkuasaan undang undang yang tegas. - Meningkatkan kempen kesedaran sivik dan hormat menghormati.	Isi = 1m H =1m HL = 1m K = 1m

			- Mengamalkan sikap tegur menegur secara berhemah. - Memanfaatkan media sosial untuk agenda positif. - Memberikan didikan agama sejak kecil.	
	(b)	(i)	Dua golongan yang mendapat naungan tersebut selain pemimpin yang adil. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Pemuda yang hidup taat beribadah kepada Allah SWT. - Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid. - Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT. - Seseorang yang membenci maksiat kerana takutkan kepada Allah SWT. - Seseorang yang menyembunyikan sedekah - Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata	2 isi x 1m
		(ii)	Pengajaran hadis di atas. (Terangkan)	[2 markah]
			- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan / kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT. - Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT / agar mendapat keredaan-Nya. - Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid / agar syiar Islam dapat ditegakkan. - Kita hendaklah saling mengasihi / supaya masyarakat hidup aman damai. - Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat / agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT - Kita hendaklah berusaha memperbanyak sedekah / kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa. - Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah / agar jiwa sentiasa tenang.	1 isi x 2m Isi =1m H = 1m

		(iii)	KBAT Berdasarkan peribahasa di atas, bagaimanakah cara seorang pemimpin dapat membantu rakyatnya? (Huraikan)	[4 markah]
			Isi cadangan: - Menyediakan prasarana / infrastruktur yang baik. - Melaksanakan keadilan dalam semua perkara. - Menyediakan peluang pendidikan yang baik. - Memberi bantuan kewangan kepada rakyat.	Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(c)		Bahagian hukum Mad Lazim Harfi bagi kalimah berikut : (Nyatakan)	[2 markah]
			i) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf ii) Mad Lazim Harfi Muthaqqal	2 isi x 1m
2	(a)	(i)	Maksud al-Raqib. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.	1 isi x 2m
		(ii)	Dua bukti kefahaman Allah bersifat al-Raqib: (Jelaskan)	[4 markah]
			- Allah SWT Maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.	2 isi x 2m

		(iii)	KBAT Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib.	[4 markah]
			Cadangan isi : - Allah SWT mengawasi semua manusia sama ada patuh atau ingkar kepada-Nya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam hubungan sesama manusia. - Manusia tidak boleh lari dari pengawasan Allah pada setiap masa dan tempat. - Manusia hendaklah sentiasa meyakini bahawa Allah mengawasi setiap tindakan @ perkara yang dilakukannya. - Manusia hendaklah sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam tindakan.	Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
	(b)	(i)	Sejarah ringkas aliran Khawarij. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib ra. yang berpaling tadah / kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.	2 isi x 1m
		(ii)	Dua prinsip utama aliran tersebut. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Jawatan khalifah atau imam diserahkan pilihannya kepada rakyat. - Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali ra. telah melakukan dosa besar. - Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil. - Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.	2 isi x 1m

		(iii)	KBAT (a) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
			Cadangan isi: - Memusnahkan kesatuan ummah menerusi benih kebencian dan curiga. - Mencetuskan peperangan / keganasan / pembunuhan yang meragut nyawa orang yang tidak berdosa. - Menggugat kestabilan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam sehingga mudah dipergunakan oleh musuh luar. - Menjadi punca utama barat melabel Islam sebagai agama keganasan (Islamofobia). Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m
			KBAT (b) Cadangkan langkah melindungi umat Islam daripada malapetaka tersebut. [2 markah]
			Cadangan isi: - Mendidik masyarakat agar merujuk kepada ulama dan guru yang diiktiraf, bukan semata-mata belajar dari media sosial tanpa usul periksa. - Menggalakkan masyarakat berpegang kepada prinsip kesederhanaan dalam beragama dan menolak sebarang bentuk ekstremisme. - Mendidik masyarakat agar berhati-hati dengan naratif yang cuba mencetuskan kebencian terhadap sesama Muslim atau institusi kepimpinan. Isi = 1m H = 1m
3	(a)	(i)	Maksud sembelihan. (Nyatakan) [2 markah]
			- Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mereh. 1 isi x 2m

		(ii)	Dua contoh perbuatan menyeksa binatang sembelihan tanpa sebab. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Memenggal leher - Mematahkan kaki - Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan - Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang.	2 isi x 1m
		(iii)	Dua perkara sunat sembelihan. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Penyembelih menajamkan pisau. - Dilakukan pada waktu siang - Menghadap arah kiblat. - Membaca Basmalah. - Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri. - Peralatan sembelihan tajam.	2 isi x 1m
		(iv)	KBAT Penggunaan <i>water stunner</i> dan <i>electrical stunning</i> diharuskan dalam proses penyembelihan haiwan. Huraikan.	[4 markah]
			<u>Cadangan isi :</u> - Mengurangkan kesakitan dan tekanan yang dialami oleh haiwan. - Memudahkan proses penyembelihan dijalankan dengan lebih cepat, selamat dan terkawal. - Mengurangkan risiko kecederaan kepada penyembelih dan haiwan lain. - Meningkatkan kecekapan penyembelihan terutama dalam industri pengeluaran daging berskala besar. - Memastikan kebajikan haiwan terpelihara selaras dengan tuntutan syarak kerana kaedah stunning tidak menyebabkan kematian.	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m



	(b)	(i)	Maksud wasiat : (Apakah)	[2 markah]
			- Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidup untuk mengagihkan harta / selepas kematiannya menurut hukum syarak.	1 isi x 2m
		(ii)	Dua syarat sah harta yang diwasiatkan. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Harta yang bernilai. - Harta yang boleh berpindah milik. - Harta yang harus dan bukan sesuatu yang haram.	2 isi x 1m
		(iii)	KBAT Pada pandangan anda, apakah tuntutan hadis di atas?	[2 markah]
			- Menyegerakan wasiat agar tidak timbul pergaduhan. - Tidak menangguhkan wasiat agar.... - Menulis / membuat wasiat dengan segera agar....	Isi = 1m H = 1m
		(iv)	KBAT Bincangkan implikasi terhadap masyarakat sekiranya perkara tersebut tidak dilaksanakan.	[4 markah]
			Cadangan isi : - Kes pembahagian harta berlarutan - Hak waris terabai - Harta / aset menjadi beku - Hubungan keluarga menjadi renggang - Ekonomi keluarga terjejas	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m

4	(a)	(i)	Dua fakta sejarah kerajaan Umaiyah. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Asal penubuhan: bersempena nama Umaiyah bin Abd Shams. - Pengasas / Khalifah pertama: Muawiyah bin Abi Sufian - Tempoh pemerintahan: Tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah. - Keluasan kerajaan: Meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah. - Bilangan khalifah: 14 orang. - Khalifah terkenal: i. Muawiyah bin Abi Sufian ii. Abdul Malik bin Marwan iii. Al-Walid bin Abdul Malik iv. Umar bin Abdul Aziz - Khalifah terakhir: Marwan bin Muhammad - Pusat pemerintahan: Damsyik, Syria	2 isi x 1m
		(ii)	Faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek politik. (Jelaskan)	[2 markah]
			Cadangan isi : - Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan. - Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan. - Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah	1 isi x 2m

		(iii)	KBAT Kemukakan akibat terhadap negara jika perkara tersebut tidak ditangani dengan baik.	[2 markah]
			Cadangan isi : - Kemajuan dan pembangunan negara akan terbantut kerana.... - Keamanan serta kesejahteraan rakyat akan terjejas kerana... - Ekonomi negara akan menjadi lemah kerana... - Pelabur akan hilang keyakinan untuk melabur dalam negara	Isi = 1m H = 1m
		(iv)	KBAT Sebagai generasi muda, huraikan peranan anda dalam memastikan kemajuan negara terus terpelihara.	[4 markah]
			Cadangan isi : - Menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh. - Memupuk semangat perpaduan. - Mematuhi undang-undang negara. - Menggunakan teknologi dan media sosial secara berhemah. - Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan. - Mengamalkan sikap patriotik. - Meningkatkan kemahiran diri dan daya saing. - Mengamalkan nilai integriti dan amanah.	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m
	(b)	(i)	Dua sumbangan Murad 1 bin Urkhan kepada kerajaan Uthmaniah. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Membentuk pasukan Janissary	2 isi x 1m



			- Memodenkan angkatan tentera laut - Menjadikan Edirne sebagai ibu negara	
		(ii)	Faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. (Jelaskan)	[2 markah]
			- Kemerosotan ekonomi/ kerana beban hutang negara yang tinggi. - Negara tidak stabil/ kerana gerakan menuntut kemerdekaan. - Kekurangan tenaga mahir/ kerana kelemahan sistem pendidikan . - Persaingan politik dalam istana kerana perebutan kuasa. - Ketinggalan teknologi tentera berbanding kuasa barat.	Isi = 1m H = 1m
		(iii)	KBAT Tindakan Salahuddin al-Ayubi itu dianggap sebagai satu kejayaan besar kepada umat Islam. Berikan hujah anda. Cadangan isi : - Mengembalikan penguasaan Baitulmaqdis kepada umat Islam. - Meningkatkan maruah dan semangat umat Islam. - Membuktikan kekuatan dan perpaduan umat Islam. - Menjamin keamanan di Baitulmaqdis. - Membebaskan umat Islam daripada penindasan tentera Salib. - Mengembalikan hak umat Islam terhadap tempat suci mereka. - Meningkatkan semangat perjuangan umat Islam. - Menunjukkan kebijaksanaan kepimpinan Salahuddin al-Ayubi. - Mengukuhkan kedudukan kerajaan Islam.	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m

			- Menjadi inspirasi kepada umat Islam sepanjang zaman.	
		(iv)	KBAT Huraikan kepentingan meneladani perjuangan Salahuddin al-Ayubi dalam kehidupan seorang murid?	[2 markah]
			Cadangan isi : - Menanam semangat juang yang tinggi dalam menuntut ilmu agar..... - Meningkatkan semangat menuntut ilmu kerana kejayaan dicapai melalui ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. - Melahirkan murid yang berdisiplin dalam mengurus masa serta melaksanakan tanggungjawab dengan baik. - Memupuk sifat kepimpinan yang berwibawa agar mampu membimbing rakan ke arah kebaikan. - Menyemai semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan murid tanpa mengira latar belakang. - Mendorong murid berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan kokurikulum. - Melahirkan murid yang berakhlak mulia seperti bersikap adil, amanah dan bertolak ansur. - Menanam sikap tidak mudah berputus asa ketika menghadapi kegagalan atau kesukaran.	Isi = 1m H = 1m
5	(a)	(i)	Dua adab terhadap orang sakit. (Senaraikan)	[2 markah]
			- Mendoakan kesihatan mereka. - Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih. - Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda. - Membantu mereka melakukan ibadah.	2 isi x 1m

			- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. - Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama.	
		(ii)	Hikmah beradab terhadap orang sakit. (Terangkan)	[2 markah]
			- Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat/ agar hidup diberkati Allah. - Menggembirakan pesakit/ agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah. - Melahirkan keinsafan/ kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit. - Memupuk sifat kasihan belas dan tolong menolong/..... Jawapan munasabah diterima.	Isi = 1m H = 1m
		(iii)	KBAT Berdasarkan gambar di atas, cadangkan adab yang boleh diamalkan semasa menziarahi pesakit.	
			Cadangan isi: - Memberi kata-kata semangat. - Bersopan santun dan beradab ketika bersama pesakit. - Memberikan kata-kata semangat. - Mendoakan kesembuhan pesakit.	Isi = 1m H = 1m
		(iv)	KBAT Ramalkan impak yang akan berlaku sekiranya perbuatan tersebut menjadi amalan dalam masyarakat.	
			Cadangan isi: - Pesakit lebih bersemangat. - Hubungan silaturrahim semakin kukuh	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m

			- Pesakit cepat sembuh. - Masyarakat hidup dalam kasih sayang .	
	(b)	(i)	Maksud riak. (Apakah)	[2 markah]
			- Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.	1 isi x 2m
		(ii)	Dua contoh perbuatan riak. (Nyatakan)	[2 markah]
			- Melaksanakan solat sunat hanya jika berada di hadapan orang. - Bersedekah kerana mengharapkan pujian manusia. - Membantu rakan dalam pelajaran hanya untuk mendapat pujian. - Membantu guru hanya untuk dilihat baik dan ringan tulang.	2 isi x 1m
		(iii)	KBAT Berdasarkan gambar di atas, apakah sifat yang perlu dielakkan? Huraikan.	[4 markah]
			Cadangan isi : - Tidak menunjuk-nunjuk untuk mendapat pujian manusia. - Tidak ikhlas kerana mengharapkan kepentingan tertentu. - Kagum dengan amalan sendiri. - merasa diri lebih mulia daripada orang lain.	Isi – 1m H – 1m HL – 1m K – 1m

		(iv)	KBAT Implikasi jika seseorang terjebak dengan sifat tersebut. (Jelaskan)	[2 markah]
			Cadangan isi: - Amalan tidak diterima oleh Allah SWT kerana bertujuan mengharapkan pujian manusia. - Hilang pahala dan keberkatan dalam usaha menyampaikan agama kerana niat yang tidak ikhlas. - Menimbulkan sifat ujub dan takabbur sehingga seseorang merasakan dirinya lebih baik daripada orang lain. - Mendapat dosa kerana syirik kecil kerana riak termasuk perbuatan yang sangat dibimbangi oleh Rasulullah SAW.	Isi = 1m H = 1m



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT